



**INSTITUT PENILAIAN NEGARA
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada Penyebut Harga yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) di dalam bidang yang berkaitan sahaja dan masih berkuatkuasa untuk menyertai sebut harga berikut :

No. Sebut harga	JPPH: B2 BK (S) 175/855/21/2024
Tajuk	KERJA-KERJA PEMBAIKAN BUMBUNG, SALURAN AIR HUJAN DAN PENEBAT AIR (WATER PROOFING) DI BANGUNAN PENTADBIRAN DI INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN), PERSIARAN INSPEN, 43000 KAJANG SELANGOR DARUL EHSAN
Kod Bidang Pendaftaran	Setiap petender perlu berdaftar dengan: 1) CIDB - Gred G2. Kategori - CE dan pengkhususan - B06 & B08 Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB).
Syarat Permohonan Softcopy	l) Sijil Pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).
Tarikh, Masa dan Tempat Taklimat	05 Jun 2024 (Rabu), 10.00 Pagi (Dewan Nusantara, Institut Penilaian Negara)
Tarikh Tutup Sebut harga	12 Jun 2024, Jam 12.00 Tengahari
Harga Anggaran Jabatan	Tawaran sebut harga yang lewat dihantar tidak akan dipertimbangkan RM400,000.00 (RINGGIT MALAYSIA: EMPAT RATUS RIBU SAHAJA) Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit. Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa Syarikat akan dipilih dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan

2. Borang sebut harga akan di emel secara percuma kepada firma yang hadir taklimat tapak sahaja mulai pada 5 Jun 2024. Hanya firma yang kompeten yang memenuhi syarat diatas sahaja dibenarkan untuk memasuki sebut harga ini dengan mengemukakan Sijil Pendaftaran Asal, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

3. Sebut harga yang telah lengkap diisi dan ditandatangani sah sepenuhnya hendaklah dilakri dan ditaip/ditulis Tajuk Sebut harga dan No. Sebut harga tanpa sebarang pengenalan kontraktor dengan dakwat yang tidak luntur di sudut sebelah atas kiri sampul surat dan dialamatkan kepada:

PENGARAH
INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA, PERSIARAN INSPEN
43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN.

4. Dokumen sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disebutkan di atas pada atau sebelum jam 12.00 tengahari, pada tarikh tutup sesuatu sebut harga tersebut. Sebut harga yang diterima selepas tarikh dan masa sebut harga ditutup adalah dikategorikan sebagai sebut harga lewat dan ditolak sepenuhnya serta tidak akan dipertimbangkan. Bukti pos tidak diterima sebagai bukti penerimaan dan Kerajaan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang risiko dan kos yang perlu atau akan dihadapi oleh penyebut harga bersabit dengan proses sebut harga ini.

5. **Lawatan tapak adalah diwajibkan.** Adalah menjadi tanggungjawab penyebut harga sendiri untuk melawat tapak dan menilai jumlah harga kerja / bekalan / perkhidmatan yang ditawarkan. Sebarang kekeliruan, kekurangan, ketidakcukupan maklumat adalah menjadi risiko penyebut harga sendiri dan pihak Kerajaan tidak akan menanggung apa apa juga kerugian/perbelanjaan terhadap kos bersabit dengan perkara tersebut. Syarat-syarat Khas sebut harga seperti di dalam Arahan Kepada penyebut harga adalah muktamad dan wajib dipatuhi bagi memastikan keseragaman setiap sebut harga.

6. Kerajaan Malaysia tidak akan terikat untuk menerima sebarang sebut harga terendah atau mana-mana sebut harga lain serta tiada sebarang alasan akan diberikan ke atas mana – mana sebut harga yang ditolak/tidak berjaya. Sebarang rayuan/cadangan/bantahan tidak akan dilayan.